



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100/2/1/2 JLD 6 (7) 04/02

LAWATAN RASMI MENTERI PERTAHANAN KE REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN

1. YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pertahanan, telah mengadakan lawatan rasmi beliau ke Republik Persekutuan Jerman dari 15 hingga 18 Februari 2024.
2. Semasa lawatan rasmi tersebut, YB Menteri Pertahanan dan delegasi Kementerian turut menyertai *Munich Security Conference* (MSC) yang berlangsung dari 16 hingga 18 Februari 2024.
3. MSC merupakan persidangan keselamatan tertinggi yang dianjurkan oleh negara Jerman sejak 1963 dan melibatkan penyertaan Menteri Pertahanan, Ketua Angkatan Tentera, dan Pemimpin Kerajaan dari rantau Eropah dan seluruh dunia.
4. MSC yang menyambut ulang tahun ke-60 tahun ini telah menjadi platform antarabangsa penting untuk pertukaran pandangan mengenai dasar keselamatan antarabangsa.
5. YB Menteri Pertahanan juga mengadakan pertemuan bilateral dengan rakan sejawatnya, Tuan Yang Terutama (TYT) Boris Pistorius, Menteri Pertahanan Persekutuan Jerman, untuk membincangkan hubungan pertahanan dua hala antara Malaysia dan Jerman.

6. Kedua-dua pemimpin komited untuk memperkukuh hubungan, kerjasama, dan diplomasi pertahanan antara dua buah negara, termasuklah melalui peluang latihan bersama, program pendedahan kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia, dan pembangunan industri pertahanan tempatan.
7. Semasa lawatan rasmi itu juga, YB Menteri Pertahanan turut mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatnya dari Singapura, TYT Dr. Ng Eng Hen, untuk membincangkan isu strategik serantau serta kerjasama dua hala.
8. Malaysia dan Singapura komited untuk mempertingkatkan peranan ASEAN dalam konteks pertahanan dan akan terus mendukungnya melalui *ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM)*.
9. YB Menteri Pertahanan turut bertemu dengan TYT Bill Blair, Menteri Pertahanan Kanada, untuk membincangkan pelbagai isu dan kedinamikan aspek pertahanan, termasuk dalam diplomasi pertahanan, kesan perubahan iklim, dan potensi masa depan hubungan Kanada dengan rantau ASEAN.
10. Selain daripada persidangan dan pertemuan-pertemuan bilateral tersebut, YB Menteri Pertahanan dan delegasi turut mengadakan lawatan ke pejabat Brainlab AG dan bertemu dengan kumpulan syarikat Rheinmetall.
11. Delegasi Malaysia telah diberikan taklimat dan penerangan mengenai teknologi dan inovasi terkini syarikat-syarikat berkenaan dalam bidang perubatan dan pertahanan. YB Menteri Pertahanan dan wakil-wakil industri turut membincangkan usaha-usaha yang boleh dilaksanakan dalam meningkatkan kerjasama di antara industri Malaysia dan Jerman.



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

12. Lawatan rasmi Menteri Pertahanan ke Republik Persekutuan Jerman ini dilihat penting dalam memastikan kerjasama pertahanan antara Malaysia dan negara-negara rakan kerjasama pertahanan terus diperkukuh selaras dengan Tonggak Ketiga Strategi Pertahanan Negara dan Perkongsian Wibawa yang termaktub dalam Kertas Putih Pertahanan.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

19 Februari 2024 (Dikeluarkan pada 3.00 petang)